

Yakin dengan masa depan cerah sektor penerbangan menjana pekerjaan baru

PELUANG mencuba simulasi penerbangan yang memerlukannya melakar strategi ketika menuntut di Politeknik Republic (RP) membuatkan Cik Mardhiah Suardi tertarik menceburি sektor penerbangan.

Meskipun buat masa ini beliau masih cuti bersalin, wanita berusia 26 tahun itu bertekad menceburی sektor penerbangan kerana peluang cerah yang ditawarkan bidang ini di Singapura.

Cik Mardhiah adalah lulusan Diploma Penerbangan Awam di RP dan juga ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Penerbangan) daripada SIM Global Education (GE)-Universiti RMIT.

Katanya:

“Saya begitu bersemangat mengambil kursus ijazah penerbangan yang ditawarkan di SIM GE kerana belum ada kursus menyeluruh seperti yang mampu membincangkan sektor penerbangan sejagat di Singapura.

“Tanpa berfikir panjang, saya pun mengambil peluang memburu ijazah ini kerana akur diploma sahaja tidak mencukupi bagi saya mendapatkan pekerjaan yang baik dalam sektor penerbangan.”

Cik Mardhiah akui bukan mudah membahagikan masa antara ijazah sambilan dengan amanah sebagai isteri dan tugas dalam bidang khidmat pelanggan yang pernah diterajuinya.

“Menangani penat bekerja pada waktu siang dan perlunya saya bergegas ke kuliah pada waktu malam merupakan cabaran yang dihadapi.”

“Tambah pula, saya dapat tahu saya hamil sewaktu penggal terakhir pengajian.

“Alhamdulillah, saya mempunyai ibu bapa dan suami yang tidak putus-putus memberi galakan buat saya,” katanya lagi.

Suaminya, Encik Muhd Noh Rahmat, juga 26 tahun, merupakan rakan sekursusnya di RP.

Mujurlah, beliau juga berada dalam sektor penerbangan dan sudah beberapa tahun bertugas sebagai pegawai sokongan kawalan trafik udara.

“Suami menjadi rujukan saya dan teman-teman sekuliah apabila kami perlu membereskan tugas yang ada kena mengena dengan topik kawalan udara.”

“Kami sering berbincang. Saya berharap kejayaan saya tamatkan pengajian dalam bidang ini akan menjadi dorongan buat suami mengambil ijazahnya pula. Buat masa ini, tumpuan kami adalah mengukuhkan kehidupan sebagai ibu bapa muda dengan anak kecil,” tambah Cik Mardhiah lagi.

Beliau juga melihat dunia penerbangan sebagai sesuatu yang pesat berubah dan menarik untuk diceburі golongan milenial yang sukakan cabaran dan kelainan.

“Dengan pemerintah Singapura memberi tumpuan pada bidang penerbangan dengan menghasilkan atau mencipta semula pekerjaan dalam sektor ini, saya yakin banyak perkara menarik boleh dijangka karyawan sektor ini,” katanya.



LIHAT PELUANG CERAH: Cik Nur Dini Azmi (kiri) dan Cik Mardhiah Suardi memilih pengajian dalam bidang penerbangan kerana yakin dengan potensi dan sumbangannya pada ekonomi Singapura. – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL